

UTHM setanding universiti ternama

Batu Pahat: Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berbangga dengan pencapaian universiti itu dan menasihatkan seluruh warganya bekerja dengan lebih cekap dan efisien demi menjadikan institusi itu sebagai sebuah pusat pengajian tinggi disegani.

Baginda yang juga Sultan Johor menyampaikan penghargaan kepada universiti itu pada sesi mengadap oleh pengurusan tertinggi UTHM, semalam.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM Shafry Salim berkata, sebagai Canselor, baginda sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan terkini universiti.

Menurutnya, pada sesi menghadap itu, Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin memaklumkan pelbagai



SULTAN Ibrahim bergambar dengan Dr Mohd Noh (kiri) dan pegawai Pengurusan Tertinggi Universiti di UTHM Batu Pahat.

perkembangan terkini universiti termasuk kejayaan UTHM memperoleh pengiktirafan lima bintang untuk kriteria

pengajaran, fasiliti dan inovasi oleh Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating yang diumumkan pada 16 Di-

seber lalu.

"QS Intelligence Unit adalah sebuah organisasi audit berprestij yang berpusat di London dan ter-

kenal sebagai organisasi pengauditan universiti melalui QS World Ranking.

"Keputusan audit itu sekali gus membuktikan keupayaan UTHM untuk bergerak setanding dengan universiti ternama lain di dalam dan luar negara serta membuktikan keupayaan kami untuk menjadi sebuah pusat pengajian bertaraf dunia pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, kejayaan UTHM memperoleh status itu selepas diaudit berdasarkan beberapa kriteria termasuk penyelesihan, pasaran pekerjaan penuntut, pengajaran, fasiliti, inovasi, tarikan serta kejuruteraan dan teknologi.

Menurutnya, ia satu kejayaan cukup membanggakan berdasarkan usia penubuhan universiti yang baru menjangkau dua dekad.